

URUS HARTA ACUAN SYURGA oleh Haji Mohd Hafiz bin Haji Fauzi. Taman Sri Gombak; Advertise Zone,2019. Halaman 80, ISBN 978-967-16112.

Buku ini ditulis oleh Haji Mohd Hafiz Bin Haji Fauzi adalah Ketua Jabatan Dakwah, wakaf dan zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Selangor. Wakaf negeri Sembilan dan wakaf Kelantan. Pendahuluan buku ini menceritakan kehidupan umat muslim yang dianggap oleh penulis masih gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang khalifah dimuka bumi. kita sedia maklum banyak tanggungjawab yang diletakkan pada bahu manusia, dan salah satu tugas yang diletakkan ke atas kita ialah menguruskan harta atau kewangan dengan baik dan betul demi mencapai keredaan Allah SWT. Dalam masalah ini kegagalan umat Islam dalam pengurusan harta atau kewangan ini disebabkan kurang pengetahuan pengurusan harta atau kewangan dan tidak menguruskanya mengikut panduan syarak.

Penulis melampirkan sepotong ayat dari Surah Al-Kahfi ayat 46 sebagai renungan pembaca. Dalam ayat tersebut dapat kita fahami bahawa harta dan anak hanya sementara sahaja. Allah SWT menggunakan perkataan perhiasan kerana dapat menarik perhatian manusia dan suka padanya. Di sini kita sebagai hamba Allah SWT perlu sedar perhiasan ini sekadar di dunia yang tidak kekal dan tidak perlu diberi perhatian sepenuh hati sehingga mengabaikan keperluan akhirat. Bukanlah Islam itu melarang umatnya mencari harta dan menjaga keluarga, bahkan Islam telah meletakkan panduan cara menguruskan harta serta keluarga dengan kaedah yang betul. Maka kehadiran buku ini adalah sebagai satu ilmu kepada pembaca mengetahui cara pengurusan harta yang diberikan Allah SWT.

Buku ini mengandungi tiga bab utama. Bab pertama menjelaskan sumber harta. Dalam bab ini penulis telah menghuraikan tajuk berkaitan hasil pendapatan, perniagaan, pelaburan, harta pusaka dan hutang. Bab kedua adalah penggunaan harta yang mana penulis menghuraikan modal perniagaan, simpanan dan pelaburan, nafkah serta wakaf, zakat dan sedekah. Bab ketiga pula menerangkan takaful dan wasiat.

Bab pertama dimulakan dengan topik hasil pendapatan. harta atau kewangan adalah faktor terpenting dalam menentukan jatuhan bangun sesebuah tamadun. Sekiranya harta atau kewangan diurus dengan baik akan membawa kekuatan pembangunan yang padu. Bersama ini, penulis telah membawa maksud hasil pendapatan beserta dalil Naqli dari Al Quran dan Hadis Nabi SAW yang mana sebagai umat manusia yang berpandukan dengan syariat Islam wajib mencari rezeki yang halal untuk menyara hidup di dunia. Konsep ini penting untuk mencari keberkatan di dalam rezeki. Bersama tajuk ini, penulis mengemukakan beberapa langkah yang boleh diamalkan oleh pembaca ketika mendapatkan rezeki halal dan diredayai Allah SWT antaranya:

- 1) memilih pekerjaan yang bersih pada syarak.
- 2) berusaha bekerja mengikut peraturan majikan.
- 3) tidak menggunakan peralatan majikan untuk kegunaan peribadi
- 4) sentiasa beramal dengan perkara baik.

Seharusnya kita perlu mengambil sikap berhati-hati dalam setiap perkara terutama berkaitan dengan keperluan hidup kita. Ini kerana, setiap perkara yang dilakukan terdapat hubungkait dengan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti hasil pendapatan. sekiranya kita mengimbau sejarah Islam, perniagaan bukanlah suatu perkara yang baru bagi umat Islam. Aktiviti ini amat digalakkan di dalam Islam memandangkan terdapat disiplin-disiplin perniagaan yang dijelaskan oleh Al Quran. Penulis telah menyenaraikan prinsip penting perniagaan iaitu:

- 1) perniagaan bebas dari unsur riba, gharar dan maysir
- 2) pernigaan tidak melibatkan unsur pernipuan.
- 3) pernigaan tidak melibatkan perkhidmatan haram.

Di sini penulis membawa dalil al-Quran sebagai panduan pembaca dalam menjalankan perniagaan. Perkataan maysir dalam Surah Al-Maidah ayat 90 sering kali menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat. Maysir yang membawa maksud judi diharamkan dalam syariat. Di dalam Islam maksud judi ialah suatu aktiviti berbentuk perlumbaan untuk meraih sesuatu yang menyebabkan ada pihak untung dan rugi serta wang pertaruhannya hangus.

Dalam tajuk yang lain, penulis juga membincangkan keuntungan atau dividen hasil daripada pelaburan adalah salah satu sumber pendapatan. Islam telah meletakkan garis panduan kepada pelabur demi menjaga kesucian hasilnya. Berdasarkan piawaian patuh syariah, sesebuah syarikat dikatakan tidak patuh syariah sekiranya aktiviti teras syarikat adalah seperti berikut:

- 1) terdapat unsur perjudian dan pertaruhan
- 2) penjualan barang yang tidak halal
- 3) insurans konvensional
- 4) aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan syariah
- 5) pengeluaran atau penjualan barang berasaskan tembakau
- 6) pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh syariah
- 7) perkhidmatan kewangan yang berteraskan riba.

Antara lain sumber harta adalah harta pusaka. Harta pusaka menjadi halal apabila diuruskan mengikut ketetapan syarak. Surah An-Nisa' ayat 11 dengan jelasnya telah menerangkan secara terperinci ketika menguruskan harta pusaka. Harta pusaka boleh menjadi haram sekiranya panduan ini diketepikan semasa pembahagian harta pusaka kerana membabitkan memakan harta orang lain tanpa haknya. Dalam pengurusan harta pusaka ini juga, selain menguruskan harta mengikut pembahagian masing-masing, Islam juga menitikberatkan keadaan semasa keluarga si mati. Setiap waris boleh menyerahkan harta pusaka kepada orang lain dengan rela hati bagi mengeratkan silaturrahim sesama ahli keluarga dan jarang diamalkan oleh masyarakat kita di Malaysia.

Amalan hutang juga menjadi salah satu sumber pendapatan. Suatu keharusan di dalam Islam untuk berhutang sekiranya seseorang itu berhadapan dengan kesusahan dan kesempitan hidup. Al Quran juga menggalakkan umat Islam membantu sesama sendiri bagi meringankan bebanan dalam keperluan asasi. Di dalam buku ini, penulis membahaskan secara panjang lebar berkaitan isu hutang piutang yang telah menjadi asas kehidupan. Amalan ini menjadi tidak sihat apabila objektif berhutang untuk memenuhi kehendak nafsu sekaligus meletakkan diri dalam keadaan yang memudharatkan. Terdapat juga keadaan semasa yang mana masyarakat menjadikan hutang sautu aktiviti wajib dalam kehidupan. Ini mungkin tidak pelik bagi mereka yang tidak berkemampuan, tetapi ia telah menjadi satu kaedah dan teknik terbaik bagi mencapai keuntungan dan mengekalkan kekayaan sesebuah syarikat atau individu. Akibatnya lahir satu kumpulan masyarakat yang berkemampuan untuk membayar tunai tetapi

masih lagi suka berhutang. Ini merupakan satu fenomena kurang sihat yang dianggap baik oleh masyarakat pada hari ini.

Hasil dari hutang, penulis menyatakan terdapat kesan buruk dalam amalan berhutang antaranya:

- 1) amalan hutang akan menjadi budaya dalam kehidupan manusia yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada pembiutang seperti muflis.
- 2) jiwa orang berhutang tidak tenteram, hidupnya dihantui oleh bebanan tuntutan hutang.
- 3) kemungkinan melakukan pelbagai perkara yang dilarang syarak.

Bab kedua membahaskan cara penggunaan harta. Penulis meletakkan penggunaan modal perniagaan sebagai pilihan pertama kerana ini merupakan Sunnah Nabi dan para sahabat. Penggunaan harta sebagai modal perniagaan adalah satu perkara yang perlu digalakkan dalam masyarakat Islam dan budaya bernesiga perlu dipupuk sejak dari kecil. Perniagaan yang berpandukan garis panduan Islam dapat menjadi wasilah meningkatkan darjah dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Kekayaan harta merupakan amanah dan ujian Allah SWT kepada pemiliknya. Harta hendaklah dibelanjakan secara hak dan bukan dengan cara batil seperti boros, membazir atau membelanjakan ke jalan yang salah, dan antara perbelanjaan harta yang baik adalah dengan cara simpanan dan pelaburan. Dalam konteks perbankan Islam, operasi simpanan dan pelaburan yang berbentuk deposit adalah berbeza dengan operasi simpanan dan pelaburan perbankan konvensional yang mana perbankan Islam menggunakan konsep patuh syariah sepenuhnya. Terdapat beberapa kontrak simpanan dan pelaburan patuh syariah antaranya:

- 1) wadiyah ya dhamanah
- 2) mudharabah
- 3) musharakah
- 4) wakalah lil istismar.

Secara keseluruhan, aktiviti simpanan dan pelaburan yang terdapat di Malaysia boleh didapati di dalam pelbagai sektor dan bidang. Selain daripada perbankan Islam, ada dalam kalangan masyarakat terlibat dengan pelaburan saham amanah, pelaburan emas dan hartanah, koperasi, pemasaran bertingkat, skim cepat kaya dan lain-lain. Sebagai rakyat Malaysia, pemilik harta bebas untuk untuk memilih mana-mana institusi pelaburan dan kewangan untuk mengembangkan aset serta kekayaan. Walaubagaimanapun, ini wajib dalam piawaian dan garis panduan pematuhan Syariah.

Islam meletakkan tanggungjawab memberi nafkah ke atas suami dan bapa. Kewajipan ini telah dinyatakan al-Quran dalam surah At-Talaq ayat 7. Walaupun begitu, penulis agak kecewa dengan segelintir ketua keluarga yang mengabaikan kewajipan ini. Isu-isu pengabaian nafkah menyebabkan berlakunya pergolakan rumah tangga yang serius dan memberikan satu imej buruk pada Islam sendiri. Di samping itu, buku ini juga menyenaraikan panduan kepada penerima nafkah dan cara menggunakan nafkah mengikut konteks Islam.

Instrumen penggunaan harta seterusnya ialah zakat, wakaf dan sedekah. Penulis telah memberikan definisi bagi setiap konsep supaya pembaca dapat memahami perbezaan ketiga-tiga isntrumen. salah satu perkara wajib yang perlu dilakukan pada harta ialah mengeluarkan zakat. Surah At-Taubah ayat 103, Allah SWT telah mengarahkan zakat diambil dan

dikeluarkan daripada meraka yang layak dan diberikan kepada yang layak. Dalam ayat yang sama, terdapat beberapa hikmah antaranya :

- 1) Zakat berfungsi membersihkan harta dari perkara-perkara gharar. Sekiranya zakat tidak dikenakan harta yang tercemar akan menyebabkan urusan di akhirat menjadi susah.
- 2) Dengan pemberian zakat, dapat menyucikan hati dari sifat-sifat yang tidak baik iaitu hilang belas kasihan kepada orang miskin atau zalim kerana menyimpan harta hak orang miskin.
- 3) Orang yang mengeluarkan zakat akan didoakan oleh penerima zakat.

Wakaf disebut juga sedekah jariah iaitu sedekah yang berterusan. Istilah wakaf diberikan ke atas sedekah harta kekal yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Ini berbeza dengan zakat yang wakaf tiada ketetapan nilai dan masa serta tidak dikhurasukan kepada suatu golongan tertentu.

Perbezaan wakaf dan sedekah pula adalah berkaitan material yang diberikan. Dalam konsep sedekah, barang atau harta yang disedekahkan lebih bersifat umum samaada makanan, pakaian atau wang. Sedekah juga boleh jadi dalam bentuk selain harta seperti perkhidmatan dan amal kebaikan.

Bab ketiga merupakan penjelasan cara umat Islam memanfaatkan harta yang diperolehi setelah bertungkus lumus memerah keringat. Walaubagaimanapun penulis mendapati, masih ramai daripada umat Islam terlepas pandang mengenai dua perkara penting dalam pengurusan kewangan, iaitu takaful dan wasiat.

Takaful merupakan produk insuran patuh syariah yang mengantikan insurans konvensional. Konsep takaful berasaskan konsep tolong menolong merupakan perkara terpuji dan digalakkan di dalam Islam. Skim takaful merupakan satu bentuk perlindungan masa hadapan dapat membantu sekiranya seseorang itu terlibat dengan musibah. Antara kelebihan takaful yang penulis senaraikan adalah:

- 1) perlindungan kepada diri dan keluarga sekiranya berlaku musibah
- 2) simpanan dan pelaburan jangka masa panjang
- 3) menolong pihak yanmg dalam kesusahan
- 4) menguatkan ukhuwah sesame umat Islam.

Bagi wasiat pula, ini bukanlah sesuatu yang asing bagi umat Islam. Rasullullah sendiri menggalakkan umatnya untuk meninggal wasiat semasa hidup. Ini membolehkan waris menguruskan harta peninggalan tanpa berlaku sebarang perbalahan. Wasiat itu sendiri mempunyai hukum yang tertentu mengikut keadaan – keadaan yang berbeza. Di dalam buku ini, penulis telah menyatakan lima hukum wasiat mengikut keadaan iaitu :

- 1) wajib : sekiranya ada perkara syarie yang perlu dilaksanakan seperti zakat dan haji
- 2) sunat : wasiat untuk kaum kerabat yang memerlukan sedangkan mereka bukan waris harta pusaka
- 3) harus: wasiat kepada sahabat atau orang kaya yang mana mereka bukan dari golongan berilmu dan beramal soleh.
- 4) makruh : pewasiat seorang yang kurang berada dan mempunyai waris-waris yang ramai serta memerlukan harta.
- 5) haram : jika berwasiat kepada perkara yang haram.

Antara kebaikan yang dapat dikongsi bersama dalam penulisan ini ialah:

- 1) bahasa yang digunakan mudah dan mesra untuk bacaan awam.
- 2) pengolahan ayat secara santai membuatkan pembaca ingin mengetahui lebih lanjut tentang muamalah Islam.
- 3) setiap tajuk perbincangan, penulis akan membawa dalil dari al-Quran dan hadis sebagai penyelesaian kepada sesuatu hukum.
- 4) penulis sentiasa memberikan contoh kepada isu yang dibincangkan. Ia bertujuan memberi kefahaman tanpa kekeliruan kepada pembaca
- 5) setiap bab, penulis akan mengakhiri dengan soalan lazim yang berkaitan tajuk. Pada pandangan saya, ianya merupakan soalan yang sering ditanya ketika penulis mengadakan ceramah beliau.
- 6) jawapan kepada soalan dijawab dengan penuh ilmu dan padat.

Islam agama yang syumul sangat mengambil berat aktiviti umatnya termasuklah pengurusan harta. Terdapat banyak larangan Allah SWT yang melarang manusia daripada mencuri, memakan harta anak yatim, melakukan kerosakan harta benda dan sebagainya. Harta juga adalah ujian kepada umat nabi kita Muhammad SAW dan akan diperhitungkan di akhirat nanti.

Secara keseluruhan, buku urus harta acuan syurga amat sesuai untuk bacaan umum untuk semua peringkat umur. Ini merupakan buku asas pengenalan pengurusan muamalah Islam. Dalam bidang muamalah Maliyah atau pengurusan harta ini, seorang muslim berkewajiban memahami cara bermuamalah yang patuh kepada syariah Allah SWT. Jika mereka tidak memahami muamalah maliyah ini, maka ia akan terperosok kepada sesuatu yang diharamkan atau syubhat tanpa sedar. Seorang Muslim yang bertakwa dan takut kepada Allah SWT, harus sedaya upaya menjadikan muamalahnya sebagai amal soleh dan ikhlas kerana Allah SWT semata-mata.

Diyak Ulrahman Mat Saad

Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan,
Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor.